



**KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**  
**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK**  
**BIL. 1 TAHUN 2021**

Semua Pegawai Pengawal,  
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**PEMAKLUMAN GRED JAWATAN SETARA BAGI KADAR HARGA PERABOT  
DAN KELENGKAPAN PEJABAT MENGIKUT GRED JAWATAN BERDASARKAN  
PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA WP 2.1**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan gred jawatan setara dengan gred jawatan yang dinyatakan di dalam Lampiran A, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 2.1 mengenai kadar harga perabot dan kelengkapan pejabat mengikut gred jawatan.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 2.1 (Peraturan dan Had Harga Perabot/Kelengkapan Pejabat Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan – Termasuk Anggota Polis Diraja Malaysia) merupakan peraturan berkuat kuasa berkenaan kadar harga perabot dan kelengkapan pejabat mengikut gred jawatan di Negeri Perak.
- 2.2 Jadual kadar harga perabot dan kelengkapan pejabat adalah seperti di Lampiran A pekeling berkenaan. Walaupun begitu, gred jawatan yang digunakan bermula pada perkara 5 hingga 12 di dalam jadual tersebut adalah gred jawatan lama yang sudah tidak digunakan lagi pada ketika ini. Keadaan ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan pegawai dalam menguruskan perolehan perabot dan keperluan pejabat di jabatan masing-masing.

## 3. JADUAL GRED JAWATAN YANG SETARA

- 3.1 Dengan berpandukan kepada kadar harga mengikut gred di Lampiran A WP 2.1, jadual gred jawatan yang setara adalah seperti berikut:

<b>PERKARA</b>	<b>GRED JAWATAN MENGIKUT WP 2.1</b>	<b>GRED JAWATAN YANG SETARA</b>
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Gred 1	53 – 54
Kumpulan Pengurusan Profesional	Gred 2	45 – 52
Kumpulan Profesional	Gred 3	41 – 44
Kumpulan Sokongan	K V dan VI	31 – 40
Kumpulan Sokongan	K VII	27 – 30
Kumpulan Sokongan	K VIII	21 – 26
Kumpulan Sokongan	K IX	17 – 20
Kumpulan Sokongan	K X dan XI	1 – 16

#### 4. PENUTUP

- 4.1 Semua Jabatan diwajibkan mematuhi kadar harga mengikut gred jawatan bagi perolehan perabot/peralatan pejabat seperti yang dinyatakan di Lampiran A, WP 2.1. Gred jawatan setara bagi gred yang dinyatakan di dalam lampiran tersebut adalah seperti di perenggan 3.1.

Perhatian dan kerjasama semua pihak berkenaan perkara ini didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

**“ PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATO' ZULAZLAN BIN ABU HASSAN )**

Pegawai Kewangan Negeri

Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : 1 Februari 2021.

Salinan kepada:

1. YB, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.
2. Bendahari Negeri Perak Pejabat Kewangan Negeri Perak.
3. Pegawai Teknologi Maklumat Pejabat Kewangan Negeri Perak.

Surat Pekeliling ini boleh di muat turun melalui  
<http://kewangan.perak.gov.my>

